



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

IoT LiSA Ungguli POLYCCOM'25, Inovasi Keselamatan Jalan Raya Ke Arah Komersial

SABAK BERNAM, 21 OGOS 2025 - Pertandingan POLYCC Komersial Peringkat Kebangsaan 2025 (POLYCCOM'25) yang bertemakan "Advancing AI Innovation in Commercialization" telah melabuhkan tirainya dengan penuh meriah di Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor.

Program anjuran Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ini merupakan penganjuran kali kelima sejak diperkenalkan. Buat julung kalinya, Kolej Komuniti Sabak Bernam diberi penghormatan sebagai tuan rumah dengan penyertaan sebanyak 51 produk inovasi yang dipertandingkan dalam lapan (8) kategori antaranya Kategori Teknologi Makanan dan Kategori Pengajaran dan Pembelajaran.

Keunikan penganjuran kali ini turut terserlah dengan kehadiran barisan juri berpengalaman daripada pelbagai latar belakang, termasuk dua (2) orang juri yang diterbangkan khas dari Politeknik Negeri Medan, Indonesia.

Produk inovasi IoT Life Saver Blind Spot Detector (LiSA) daripada Kolej Komuniti Pasir Mas, Kelantan telah diumumkan sebagai Juara Keseluruhan POLYCCOM'25. Sementara itu, Anugerah Video Pengiklanan Terbaik dimenangi oleh produk inovasi "Serunding Mak Dara" daripada Kolej Komuniti Jelevu, Negeri Sembilan.

Produk IoT LiSA yang dihasilkan oleh pasukan inovasi Kolej Komuniti Pasir Mas merupakan peranti keselamatan pintar yang menggabungkan sensor, kamera dan sistem Internet of Things (IoT) bagi membolehkan data keselamatan direkod dan dipantau oleh pihak pengurusan syarikat logistik secara masa nyata. Sistem ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan pemanduan, malah memberi kesedaran kepada syarikat pengangkutan tentang kepentingan penambahbaikan ciri keselamatan pada kenderaan berat.

"Alhamdulillah, saya dan rakan pasukan sangat bersyukur dengan anugerah Juara Keseluruhan POLYCCOM 2025 ini. Inovasi ini mula dibangunkan sejak tahun 2023 dan sepanjang tempoh itu, ia telah meraih beberapa pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tahun ini, kami juga berjaya memperoleh geran T-ACGS sebagai langkah awal ke arah pengkomersialan produk," jelas wakil pasukan IOT LiSA, Ts Dr Hj Mohd Azian Husin @ Che Hamat.

Mengenai harapan masa depan, beliau menambah:

“Kami berharap agar produk ini dapat memberi manfaat kepada komuniti khususnya syarikat pengangkutan, logistik serta agensi kerajaan dan swasta yang mengendalikan lori bersendi. Dengan adanya LiSA, diharapkan ia mampu meningkatkan tahap keselamatan pemanduan serta mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia.”

Penganjuran POLYCCOM’25 sekali lagi membuktikan bahawa komuniti politeknik dan kolej komuniti berupaya melahirkan produk inovasi berimpak tinggi yang mampu menembusi pasaran, selari dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi semasa.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) JPPKK.

Secara keseluruhan, pertandingan ini telah mengiktiraf pencapaian peserta dengan penganugerahan 12 Pingat Gangsa, 31 Pingat Perak dan 8 Pingat Emas.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
013-5227517
21 OGOS 2025**

Pautan akses gambar:

<https://drive.google.com/drive/folders/1CTFvuYh5b1nJp5qi7lvmlI54YrU3CJkZ?usp=sharing>